

12 MAR 2004

Pilihan raya-Tajol

HANYA PERAK SANGGUP TERIMA PPP DEMI PERPADUAN BN - TAJOL ROSLI

IPOH, 12 Mac (Bernama) -- Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli

Ghazali berkata beliau bersedia memberi kerusi di Perak kepada Parti Progresif Penduduk (PPP) kerana tiada negeri lain yang mahu menerima PPP.

Beliau berkata PPP dikatakan kini lemah, tidak sekuat dulu, tetapi Perak menawarkan untuk menerimanya kerana mengambil kira rekod PPP sebuah parti yang kuat sebagai pembangkang di Perak sebelum menyertai Perikatan pada tahun 1974.

" Selain (Datuk Seri) Syed Razak (Syed Zain Menteri Besar Kedah), saya juga merasakan sebagai Menteri Besar yang paling tua, saya perlu mengalah dan kerana itu saya sanggup benarkan mereka bertanding merebut dua kerusi di Perak," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Bilik Operasi Barisan Nasional (BN) Dewan Undangan Negeri (DUN) Tebing Tinggi di sini hari ini.

PPP akan bertanding di dua kawasan pada pilihan raya ke-11 ini, kedua-duanya di Perak -- parlimen Taiping yang akan ditandingi Presidennya Datuk M. Kayveas manakala Pengerusi PPP negeri, Lee Heng di kawasan DUN Pasir Bedamar dalam parlimen Teluk Intan.

Tajol Rosli yang juga pengerusi BN negeri, berterima kasih kepada Gerakan terutama Presiden parti Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik kerana sanggup menyerahkan kawasan tradisi Gerakan, Taiping kepada PPP untuk ditukarkan dengan Bukit Gantang, kawasan tradisi Umno tetapi mahu diberikan kepada PPP pada pilihan raya nanti.

Dr Lim pada asalnya tidak mahu berbuat demikian tetapi telah dipujuk Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk kebaikan BN, katanya.

"Bagaimanapun, saya dan Perdana Menteri telah berjanji ini hanya untuk satu penggal. Selepas itu, Taiping akan diserahkan semula kepada Gerakan dan Bukit Gantang kepada Umno. Kita akan cari kerusi lain untuk

PPP,"
katanya.

Tajol Rosli berkata tindakan beliau ini memang mengundang kemarahan anggota Umno, terutama di Bukit Gantang, kerana kehilangan kerusi tradisi mereka tetapi beliau tidak kisah demi kebaikan BN.

"Dulu PPP parti pembangkang kuat dan hampir-hampir menubuhkan kerajaan negeri pada pilihan raya tahun 1969. Kemudian dia ditawarkan menyertai BN.

"Sekarang dia tidak kuat lagi tetapi ini tidak bermakna kita boleh mengetepikan dan menghalau mereka. Sebelum mereka keluar BN baik kita beri mereka kerusi. Tidak bermakna mereka lemah sekarang mereka akan lemah selama-lamanya. Jadi ada negeri yang kena beri PPP kerusi dan ia adalah Perak," katanya.

Beliau bersedia menerima kritikan kerana tindakan beliau itu tetapi yakin beliau telah mengambil tindakan yang terbaik untuk perpaduan BN.

Mengenai Pengerusi kebangsaan DAP Lim Kit Siang yang mahu bertanding di Ipoh Timur, Tajol Rosli berkata beliau akan berusaha memastikan Lembah Kinta tidak akan menjadi kubu kedua DAP selepas Pulau Pinang.

"Jika Lembah Kinta dapat kepada DAP, dan jika saya kekal sebagai Menteri Besar pun, saya anggap saya gagal. Ini kerana bagi Lembah Kinta termasuk bandaraya Ipoh kita rancang pelbagai pembangunan. Jika DAP menang, kita tidak dapat adakan pembangunan itu," katanya.

Beliau berkata Lim pernah menyatakan bahawa Pengerusi MCA Perak Datuk Ong Ka Chuan tidak kasihankan seorang perempuan muda, iaitu penyandang Parlimen Batu Gajah, Fong Po Kuan apabila menyatakan hasrat bertanding di Parlimen Batu Gajah tetapi Lim sendiri tidak kasihankan seorang pemimpin muda, penyandang Parlimen Ipoh Timur Thong Fah Chong, ketika menyatakan hasrat bertanding di Ipoh Timur.

"Kerana itu ketika bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad menghubungi saya bertanyakan kawasan mana dia boleh bantu untuk berkempen pada 19 Mac ini, saya minta dia bantu kempen di Lembah Kinta.

" Jika dibandingkan kami di Perak dengan Kit Siang, dia memang banyak pengalaman. Dr Mahathir yang jelas banyak pengalaman amat sesuai untuk membantu kami di sini," katanya.

-- BERNAMA

KAY RON